



Persoalan Ragam Kerja Bahasa Melayu Yang Terlepas Dari Pemerhatian Pengkaji Zaman Sekarang

¹Manavavee Mamah and ²Sato Hirobumi @ Rahmat ,

¹Yala Rajabhat University ²Universiti Malaya & Yala Rajabhat University ,

ABSTRACT

Many students and scholars today are less interested in the study of Malay grammar as they might not be able to explore a new theme that stimulates them in this field. However, the study of the voice of Malay verb is one of the themes that is very interesting but has not been given satisfying answers yet. For example, the combinations of Malay verbs that are prefixed with **me(N)-** and the so-called conjugation forms appearing in a complex sentence illustrate a phenomenon of the voice of Malay verb that may have escaped the current scholars' observations. In fact, some of these phenomena have long been studied since the 19th century and have produced good discussions that went far beyond the ones of the current study. This paper is aimed at reminding the young scholars and teachers of the problem of the voice of standard Malay verb in order to improve the quality of this language education.

Keyword : *ragam kerja (voice of verb), bahasa Melayu*

PENDAHULUAN

Penyelidikan bahasa Melayu yang dibentangkan dalam karya Werndlij (1736, [Angelbeek, 1823]) dan Marsden (1812), misalnya, tidak dapat bertahan terhadap kritikan yang dilemparkan dari segi ilmu tatabahasa moden. Kajian tatabahasa bahasa Melayu yang bersifat ilmiah dan pendidikan dapat dikatakan baru bermula dari usaha seorang pengkaji dari Belanda, J.J. de Hollander pada pertengahan abad ke-19. Namun, golongan ilmuwan yang hanya mengejar nostalgia sejarah kajian bahasa Melayu tidak pernah memperhatikan karya-karya Hollander. Berhubung dengan soal “ragam kerja transitif” bahasa Melayu, Hollander kiranya menyediakan suatu landasan persoalan dalam karyanya yang bertajuk *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. Catatan beliau (1856:78-93) membangkitkan persoalan yang berlangsung selama hampir 100 tahun yang selanjutnya dalam kajian-kajian seperti Wijk (1893), Tendeloo (1895, 1901), Ophuijsen (1915), Spat (1900, 1931), Haaksma (1933), Gonda (1943), dan Emeis (1945, 1946). Semua hasil kajian yang tersebut ditulis dalam bahasa Belanda, melainkan karya Winstedt (1913) dalam bahasa Inggeris dan karya Armijn Pane (1950) dalam bahasa Indonesia. Sebuah karya tatabahasa yang diusahakan oleh Mees (1969) dalam bahasa Indonesia/ Melayu dapat dikatakan merupakan karya yang terakhir yang menyoroti persoalan ragam kerja bahasa Melayu sebelum tahun 1970-an.

Perlu disedari bahawa ramai pengkaji di dalam dan juga di luar rantau Melayu sudah tidak menyedari atau tidak memedulikan persoalan ragam kerja bahasa Melayu selepas tahun 1970-an hingga abad ke-21 ini. Hal ini terasa apabila guru bahasa Melayu di arena pendidikan menyentuh aspek bentuk luaran kata kerja sahaja semata-mata sebagai petunjuk untuk mengenal pasti jenis ragam kerja dan tidak menyedari fakta ragam kerja yang tersorok di balik istilah Aktif dan Pasif. Kertas kerja kami bertujuan untuk mengemukakan fakta ragam kerja bahasa Melayu yang sepatutnya dikaji semula oleh pengkaji dan guru generasi baharu pada abad ke-21.

MASALAH DAN BATASAN KAJIAN

Pengkaji-pengkaji Barat telah melihat selok-belok tatabahasa bahasa Melayu dalam perbandingannya dengan bahasa Eropah. Hal ini tidak salah dan tidak perlu dihantam tanpa usul-periksa. Sebaliknya, apa yang salah ialah pengkaji tempatan yang juga penutur jati bahasa Melayu menerima tafsiran pengkaji Barat secara membabi-butu lalu diturunkan kepada guru bahasa Melayu di arena pendidikan.

Satu contoh tatabahasa yang barangkali tidak pernah dipersoalkan guru bahasa Melayu diberikan dalam contoh [1] – [7]. Ragam kerja dari tiap-tiap KKj yang ditaip dengan tulisan tebal dinilai mereka dari segi bentuk morfologis sahaja, berdasarkan dikotomi Aktif-Pasif.

(A) Bentuk berawalan *me(N)*:-

[1] Kadang-kadang surat khabar itu terlipat sahaja, tidak sampai dibuka [...]. Jika Hanafi *membuka* lipatan surat khabar itu, Corrie *merebut-nya meletakkan-nya* ke tempat yang jauh [...].

[2] Ramli sudah beberapa kali *menanam* anak-anak kelapa di tempat itu sebagai ganti, tetapi (???) tidak pernah *hidup*.

[3] Bagaimana *memaku* sepatu itu supaya (???) tidak *mengenai* kaki?

[4] Ia (= tukang pos) *membuka* tas surat-surat kiriman pos lalu *diambil-nya* sehelai surat dan sebuah buku.

(B) Bentuk bepersona:

[5] Semua dosamu *harus engkau akui* [...] mengapa aku *harus dipaksa* mengakui-nya.

[6] *Baba itu* menggosok dadanya kembali dan kemudian (???) *mengambil piring* dari tumpukan piring di atas meja, (???) *digosok-nya* dengan kain itu juga. (???) *Mengambil* sebuah piring lagi, (???) *digosok-nya* juga.

[7] Di dalam hati Tono banyak yang *hendak diucapkan-nya* tetapi (???) belum *dapat mengatakan-nya*.

Pembaca yang arif pasti tahu bahawa ayat-ayat yang diperkenalkan ini memang sering dijumpai dalam karya-karya Indonesia dan Malaysia, dan tidak ada apa-apa kecacatan dari segi tatabahasa. Inilah satu fakta bahasa Melayu. Pola ayat yang demikian tidak pernah dibincangkan dalam buku teks tatabahasa bahasa Melayu dari peringkat darjah hingga peringkat universiti pada zaman sekarang. Apa yang dibincangkan dalam buku tatabahasa ialah dua istilah saja, iaitu bentuk morfologis kata kerja berawalan *me(N)*- yang dinamakan ragam kerja “aktif” dan juga bentuk morfologis kata kerja bepersona yang dinamakan ragam kerja “pasif” sahaja. Apabila ayat kompleks memperlihatkan pengguguran salah satu FN yang serujukan, barulah timbul persoalan ilmiah dari segi keseimbangan antara klausa yang satu dan klausa yang lain: “Apakah kriteria untuk membenarkan pengguguran FN yang serujukan antara klausa-klausa dalam ayat kompleks?”, “Mengapakah satu klausa menggunakan KKj berawalan *me(N)*- tetapi klausa yang satu lagi menggunakan KKj bentuk bepersona dalam ayat kompleks?”, dan “Mengapakah satu ayat memperlihatkan pertalian yang rapat antara FN subjek dengan KKj bantu tetapi ayat yang lain tidak?”.

Kertas kerja ini secara ringkas sahaja memperkenalkan pola ragam kerja bahasa Melayu yang tidak disentuh dalam mana-mana buku teks tatabahasa sekolah pada zaman sekarang, dari segi morfologis, sintaksis dan semantik. Maksudnya, kertas kerja ini merupakan satu peringatan kepada guru bahasa Melayu yang mengajar di arena pendidikan. Jawaban terhadap tiga soalan

yang disebut dalam perenggan di atas tidak akan dibentangkan secara langsung dalam kertas kerja ini. Kami berharap supaya para pembaca, terutama guru bahasa Melayu yang meneliti kertas ini melanjutkan kajian ragam kerja tanpa terikat dengan mana-mana buku tatabahasa yang sedia ada, dan memperdalam perbincangan masalah ragam kerja.

ANALISIS (I): KKj transitif berawalan *me(N)-*

Awalan *me(N)-* tidak sepatutnya diperlakukan sebagai satu golongan morfem. Ada awalan *me(N)-* yang membentuk KKj intransitif (int.), dan ada juga yang menandai apa yang dinamakan ragam kerja “aktif” bagi KKj transitif (tr.). Kedua-dua golongan KKj *me(N)-* ini ada kalanya berfungsi seolah-olah seperti kata adjektif dari segi sintaksis dan juga semantik.

Awalan *me(N)-* yang dikatakan berfungsi sebagai penanda ragam kerja aktif dalam bahasa Melayu standard sebenarnya tidak terdapat dalam banyak dialek bahasa ini yang pada dasarnya digunakan dalam bentuk lisan sahaja. Apabila pengkaji-pengkaji dari dunia Barat berkali-kali menegaskan bahawa awalan *me(N)-* menandai ragam kerja aktif dalam bahasa Melayu standard, kita sepatutnya menyedari maksudnya bahawa penanda yang sedemikian tidak wujud dalam bahasa Eropah moden. Maksudnya, KKj aktif dalam bahasa Eropah moden tidak mempunyai ciri khas dari segi morfologis. Hal ini biasanya dipandang ringan oleh ahli linguistik.

[1] Kadang-kadang surat khabar itu terlipat sahaja, tidak sampai dibuka [...]. (a) Jika Hanafi *membuka* lipatan surat khabar itu, Corrie *merebut-nya meletakkan-nya* ke tempat yang jauh [...].

KKj berawalan *me(N)-* dalam contoh [1](a) tidak memerlukan apa-apa komen jika dipandang sepintas lalu. FN *Hanafi* berpenanan sebagai subjek-agen terhadap KKj aktif *membuka*, manakala FN *Corrie* juga berperanan sebagai subjek-agen terhadap KKj aktif *merebut* dan *meletakkan*.

Kata ganti nama diri *-nya* (< ligatur *n + ia*) yang berupa enklitik terhadap KKj *merebut* dan *meletakkan* merujuk kepada FN *lipatan surat khabar itu*. Hal ini jelas dari konteks ayat. Namun, kita perlu menyedari bahawa kata ganti nama diri *-nya* yang berfungsi sebagai objek-pasien terhadap KKj tr. seperti contoh ini sebenarnya baru mulai digunakan selepas zaman memasuki abad ke-20. Maksudnya, pola ayat [1](a) merupakan hasil perkembangan yang baharu dalam sejarah bahasa Melayu. Pembaca yang arif sudah tahu petikan dari novel ini.

[2] (a) Ramli sudah beberapa kali *menanam anak-anak kelapa* di tempat itu sebagai ganti, tetapi (???) tidak pernah *hidup*.

Ayat [2](a) memperlihatkan fenomena pengguguran FN yang serujukan dari segi sintaksis. FN objek-pasien *anak-anak kelapa* terhadap KKj *menanam* bertindak sebagai subjek terhadap KKj int. *hidup* dari segi sintaksis. Contoh ini mengemukakan satu fakta bahasa Melayu yang tidak dapat diterangkan dengan kaca mata bahasa Eropah. Maksudnya, FN objek dalam

klusa yang terdahulu mampu bertindak sebagai FN subjek dalam klausa yang mengikutinya dengan tidak dinyatakan dalam bentuk lahir ayat.

[3] (a) Bagaimana *memaku* sepatu itu supaya (???) tidak *mengenai* kaki?

FN yang digugurkan dalam ayat ini dapat ditelusuri dalam KKj terbitan *memaku* (< KN *paku*) dari segi sintaksis dan juga semantik. FN *paku* yang tidak dinyatakan dalam bentuk lahir dalam klausa subordinat bertindak sebagai subjek terhadap KKj *mengenai* dari segi sintaksis.

[4] (a) Ia (= tukang pos) *membuka* tas surat-surat kiriman pos lalu *diambil-nya* sehelai surat dan sebuah buku.

Ayat ini tidak memperlihatkan sebarang pengguguran FN yang serujukan antara klausa dalam ayat kompleks. KKj *membuka* dinilai sebagai ragam kerja aktif kerana awalan *me(N)-*, manakala KKj *diambil-nya* pula dinilai sebagai ragam kerja pasif kerana awalan *di-*. Semua ini didasarkan pada bentuk luaran kata kerja sahaja tanpa mempertimbangkan konteks sintaksis dan juga semantik di mana kata kerja bertindak. Teknik ini sajalah yang sudah lama diajarkan di arena pendidikan di negara-negara rantau Melayu.

Jika dikatakan bahawa KKj *diambil-nya* membawa makna “aktif” dalam konteks ini, ramai pembaca pasti akan terkejut. Namun, makna yang dinyatakan dalam susunan [*diambilnya sehelai surat dan sebuah buku*] itu tidak jauh berbeza dengan makna aktif dalam susunan [*ia mengambil sehelai surat dan sebuah buku*] dari segi sintaksis.

Susunan yang pertama dinamakan Ayat Pasif Songsang dalam tatabahasa sekolah walaupun ayatnya sama sekali tidak membawa makna pasif dari segi semantik. Inilah cara tatabahasa sekolah yang ditetapkan di Indonesia dan Malaysia sejak tahun 1970-an. Perbincangan ini akan diteruskan secara ringkas dalam bahagian yang selanjutnya.

ANALISIS (II): KKj transitif bepersona

Hollander (1856) menggunakan istilah Pasif bagi KKj transitif bepersona. Penelitian beliau ternyata didasarkan pada perbezaan bentuk morfologis kata kerja antara bahasa Melayu dan bahasa Belanda (atau bahasa Eropah secara umum). Bentuk KKj yang dinamakan pasif dalam bahasa Melayu dibahagikan oleh beliau seperti yang berikut:

Hollander membahagikan ragam kerja Pasif BM kepada dua pola, iaitu (i) pasif jati dan (ii) pasif berpelaku.	
Pasif Jati:	
(a) <i>di-</i> + (pokok verbal)	
(b) <i>di-</i> + (pokok verbal) + oleh <i>agen</i>	
Pasif Berpelaku:	
(c) <i>ku-</i> + (pokok verbal)	@ agen diri ke-1.
(d) <i>kau-</i> + (pokok verbal)	@ agen diri ke-2.
(e) <i>di-</i> + (pokok verbal) + <i>-nya</i>	@ agen diri ke-3.

Penamaan Pasif Jati (*zuiver passief*) dan Pasif Berpelaku (*subjectief passief*) ini dengan jelas mencerminkan pandangan bahasa Eropah. Maksudnya, bentuk kata kerja yang tidak wujud dalam bahasa Eropah diberi nama “semu” dari segi morfologis. Asmah (1982:89) rupa-rupanya mewarisi idea ini. Namun demikian, Hollander tidak lupa menyertakan contoh yang dengan jelas membawa makna “aktif” dalam bentuk kata kerja “pasif”. Contohnya dipetik dari Hollander (1882:271-273):

[8] maka diceriterakan oleh Mohammed Tahir akan hal ehwalnya ia *hendak dibunuh* oleh baginda.

(= *en Mohammed Tahir verhaalde de toedracht der zaak hoe de vorst hem wilde dooden, hetgeen letterlijk schijnt te beteeknen: hoe hij wilde gedood worden door den vorst*)

[9] tatkala *hendaklah dilepaskannyalah* akan dia.

(= *toen hij dezen wilde loslaten, of toen deze door hem zoude losgelaten worden [niet toen deze door hem wilde losgelaten worden]*)

[10] demi didengar dan dilihat Sultan Syabur maka ia *hendak dibunuh* orang.

(= *toen Sultan Syabur hoorde en zag dat men hem wilde dooden of dat hij door de menschen zoude [niet wilde] gedood worden*)

Contoh ayat [8] – [10] sangat bermanfaat bagi memperdalam kesukaran untuk menganalisis pertalian antara KKj bantu dan KKj bentuk bepersona. Pola ayat yang serupa dalam bahasa Melayu ada kalanya membawa makna aktif dan ada kalanya juga membawa makna pasif, seperti yang dapat dilihat dalam tiga contoh yang berikut:

[5] Semua dosamu *harus engkau akui* [...] mengapa aku *harus dipaksa* mengakui-nya.

[11] Engkau *enggan* benar engkau *aku pegang atau cium*.

[12] Manakala satu lagi pingat gangsa *berjaya diraih oleh* A.A. dalam acara Berbasikal Keirin Lelaki.

Pola ayat seperti ayat [12] pernah dianggap salah oleh Badudu (1980) dan Abdul Chaer (1984) dari segi tatabahasa. Batas antara “salah” dan “benar” memang susah digariskan dalam tatabahasa bahasa Melayu. Untuk makluman pembaca, Gonda (1943) secara ringkas menerangkan masalah kajian ragam kerja bahasa Melayu (*lihat* Sato [2007]).

Namun, pola ayat seperti [5] – [12] yang sering digunakan sejak zaman klasik hingga zaman sekarang patutkah dianggap salah? Maksudnya, sesuatu fenomena tatabahasa bahasa Melayu yang tidak menepati sesuatu rumus dari sesuatu aliran linguistik bolehkah dicap salah dengan serta-merta? Fakta bahasa Melayu terbentang di depan mata kita. Di samping idea konstruksi aktif dan konstruksi pasif, idea konstruksi Ergatif juga dilahirkan pada tahun 1970-an, berdasarkan pola ayat seperti yang diperkenalkan dalam bahagian ini.

ANALISIS (III): KKj transitif bepersona

Fenomena pengguguran FN yang serujukan yang akan dianalisis dalam bahagian ini juga berkaitan, dengan rapat, dengan susunan sintaksis yang dilihat pada bahagian Analisis (I) dan Analisis (II) tadi.

[6] Baba itu menggosok dadanya kembali dan (a) kemudian (???) mengambil piring dari tumpukan piring di atas meja, (???) digosok-nya dengan kain itu juga. (b) (???) Mengambil sebuah piring lagi, (???) digosok-nya juga.

Pengguguran FN yang serujukan yang berlaku dalam ayat [6](a) dan [6](b) adalah sama saja. FN objek-pasien *piring* dan *sebuah piring* yang bertindak terhadap kedua-dua KKj *mengambil* dapat mengisi gatra FN yang bertindak terhadap KKj *digosok-nya*. Untuk makluman pembaca, terdapat kesalahfahaman dalam kalangan penutur jati dialek Melayu, iaitu “kata ganti nama diri –nya yang bertindak bersama KKj berbentuk *di-* itu merujuk dan berfungsi sebagai FN objek *piring* dari segi sintaksis”. Kata ganti nama diri –nya ini merujuk kepada FN agen *Baba* dalam ayat ini.

Perhatian kita perlu diarahkan kepada gatra FN yang bertindak terhadap KKj *digosoknya*. Jika pola ayat kompleks ini disamakan dengan pola ayat [2](a), FN *piring* dan FN *sebuah piring* yang digugurkan itu akan dianggap sebagai berfungsi sebagai subjek terhadap KKj *digosoknya*. Oleh kerana itu, klausa [*piring (itu) digosoknya*] dan [*sebuah piring (itu) digosoknya*] membawa makna pasif dari segi semantik.

Sebaliknya, jika pola ayat kompleks ini disamakan dengan pola ayat [12], FN *piring* dan FN *sebuah piring* yang digugurkan itu akan dianggap berfungsi sebagai objek (yang dijudulkan) terhadap KKj *digosoknya*. Dengan ini, klausa [*piring (itu) digosoknya*] dan [*sebuah piring (itu) digosoknya*] tentu saja membawa makna aktif dari segi semantik. Masalahnya ialah kata nama bahasa Melayu tidak memperlihatkan fleksi nahuan dalam bentuk lahir untuk memastikan fungsi sintaksis sesuatu FN.

Bahasa Eropah yang menggunakan perulangan unsur yang serujukan dalam bentuk sulih, iaitu kata ganti nama diri dapat menerangkan pola ayat kompleks seperti [1](a) dengan mudah. Akan tetapi, tatabahasa sekolah yang digunakan di negara-negara rantau Melayu tidak pernah menyoroti fenomena yang terbentang pada pola ayat kompleks seperti [6](a) dan [6](b) yang memperlihatkan ciri khas bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam bahasa Eropah.

ANALISIS (IV): KKj transitif bepersona

Bentuk kata kerja yang dianalisis dalam bahagian ini berkaitan dengan fenomena tatabahasa “aneksi”, iaitu hubungan yang tidak terpisahkan antara unsur agen dan pokok verbal. Istilah aneksi bagi bahasa Melayu sudah digunakan oleh pengkaji-pengkaji dari Belanda pada



awal abad ke-20. Hanya istilah ini dikenal di rantau Melayu ini selepas terbitnya karya Mees (1969) yang ditulis dalam bahasa Melayu.

[7] (a) Di dalam hati Tono banyak yang hendak *diucapkan-nya* tetapi (???) belum dapat *mengatakan-nya*.

[13] Maka kembalilah Corrie ke rumah makan mengganti pakaiannya; dan (a) setelah (???) *menyelesaikan* rekeningnya, *diangkat-nya*-lah koper-kopernya lalu (???) *menurutkan* suaminya ke rumah mereka di Gang Ketapang.

Pengguguran FN yang serujukan yang berlaku dalam ayat kompleks [7](a) dan [13](a) juga sukar diterangkan dengan wadah bahasa Eropah.

Kata ganti nama diri *-nya* yang berupa enklitik adalah beraneksi dengan KKj *diucapkan* dalam ayat [7] (a), dan kata *-nya* ini tidak terpisahkan dari KKj yang berkenaan. Maksudnya, kata ganti nama diri *-nya* tidak dapat berdiri sendiri sebagai FN subjek yang utuh. Namun, kata *-nya* yang merujuk kepada FN *Tono* ini dapat mengisi gatra FN yang berfungsi sebagai subjek terhadap KKj *mengatakan*. Ayat [13](a) juga dapat diterangkan dengan cara yang serupa.

Pola ayat kompleks [7](a) dan [13](a) juga memperlihatkan ciri khas bahasa Melayu dari segi tatabahasa, dan ciri ini tidak dapat diterangkan berdasarkan tatabahasa bahasa Eropah moden. Idea konstruksi Ergatif, misalnya, dapat dimanfaatkan untuk menganalisis fenomena bahasa Melayu yang tersebut. Bagaimanapun, satu kelemahan idea ini akan nampak jika tindakan FN diaplikasikan pada bahasa yang tidak berdeklinasi. Pembaca yang arif hendaklah memperdalam kelebihan dan kelemahan idea konstruksi Ergatif dalam analisis ragam kerja bahasa Melayu.

PENUTUP

Kertas kerja ini memperkenalkan aspek ragam kerja bahasa Melayu yang sudah lama terabai dalam kajian tatabahasa bahasa ini. Fakta bahasa Melayu yang dicontohkan di sini barangkali sudah berpuluh tahun tidak disedari oleh ramai guru dan pengkaji di arena pendidikan. Kebanyakan kajian dalam bidang ini telah ditulis dalam bahasa Belanda yang tidak difahami oleh ramai pengkaji bahasa Melayu pada zaman sekarang. Bagaimanapun, halangan bahasa asing tidak boleh dijadikan alasan kekurangan informasi. Senarai bahan bacaan yang kami cadangkan akan memberikan informasi yang penting dan juga nafas yang baharu kepada pengkaji generasi baharu.

DAFTAR RUJUKAN

Abdul Chaer Mad'ie, 1984. "Masalah Pemasifan Predikat-Verbal-Kompleks Dalam Bahasa Indonesia", dlm. *Dewan Bahasa* 28:5 Mei, hlm. 270-277. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Armijn Pane. 1950. *Mentjari Sendi Baru Tata Bahasa Indonesia*. Djakarta: Balai Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badudu, J.S., 1980. “Inilah Bahasa Indonesia yang Benar”, dlm. *Intisari* 6. Juni. Indonesia.
- Bambang Kaswanti Purwo, 1984. *Deiksis dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- (ed.), *Serpilh-Serpilh Telaah Pasif Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Emeis, M.G., 1945. *Vorm en Functie in Klassiek en Modern Maleisch: de verbale constructies*. Utrecht: J. Wolters.
- , 1946. *Inleiding tot het Algemeen Beschaafd Maleisch*. Groningen-Batavia: J.B. Wolters' Uitgevers-Maatschappij N.V.
- Gonda, J., 1943. “De Zg. Hulppraedicaatswoorden in Maleis en Javaans”, in *BKI* (102), pp. 95-105. *Lihat Sato* (2007).
- Haaksma, R., 1933. *Inleiding tot de Studie der Vervoegde Vormen in de Indonesische Talen*. Leiden: E.J. Brill.
- Harimurti Kridalaksana. 1986. *Kelas Kata Dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hollander, J.J. de, 1856. *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 2^{de} druk. Breda: Koninklijk Academie voor de Zee- en Landmacht.
- , 1882. *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 5^{de} druk. Breda: Broese & Comp.
- Marsden, William, 1812. *A Grammar of the Malay Language*. London.
- Mees, C.A., 1969. *Tatabahasa dan Tatalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ophijssen, Ch. A. van, 1915. *Maleische Spraakkunst*. 2^{de} druk. Leiden: S.C. van Doesburgh.
- Sasaki, Shigetsugu, 1971. “Indonesian *hendak* (, *mau*, *ingin*) + vervoegde vorm: The Two Possibilities of Translation”, in *Area and Culture Studies*. Japan: Tokyo University of Foreign Studies.
- , 1975. “Indonesian *hendak* (, *mau*, *ingin*) + vervoegde vorm: The Grammatical Interpretation”, in *Area and Culture Studies*. Japan: Tokyo University of Foreign Studies.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, 2000. “Persoalan Konstruksi Pasif dan Ergatif dalam Bahasa Melayu”, dlm. *Dewan Bahasa* 44:5 Mei, hlm. 546-562. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 2006. *Kajian Semula Unsur Utama Wajib Dalam Ayat Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- , 2006. “Persoalan Ragam Kerja dan Konstruksi Ergatif Bahasa Melayu”, in *Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman DALAM KENANGAN: essays in memory of vice chancellor, UBD, 1999-2002*. pp. 213-231, Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
-
-



- , 2007. “Kajian Ringkas Karya J. Gonda (1943): apa yang dinamakan ‘kata predikat bantu’ dalam bahasa Melayu dan bahasa Jawa”, dlm. *Jurnal Bahasa* 11 (Januari-Juni), hlm. 22-31. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- , 2008. “Ciri-Ciri Konstruksi Ergatif dalam Bahasa Melayu”, dlm. *Jurnal Bahasa* 8:1, hlm. 132-159. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 2009. “Bentuk Aktif Berpersona dalam Bahasa Melayu”, dlm. *Segunung Budi Selautan Kenangan: dedikasi istimewa untuk Profesor Emeritus Dato’ Dr. Asmah Hj. Omar*. hlm. 254-280, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Spat, C., 1900. *Maleische Taal, eerste stuk: overzicht der grammatical*. Breda: Koninklijke Militaire Academie.
- , 1931. *Maleische Taal, eerste stuk: overzicht der grammatical*. 5^{de} druk. Breda: Koninklijke Militaire Academie.
- Werndlij, G.H., 1736. *Maleische Spraakkunst*. Amsterdam: R. en G. Wetstein/van de E. Maatschappye.
- (C. van Angelbeek), 1823. *Maleische Spraakkunst van George Hendrik Werndlij*. Batavia: Lands Drukkerij.
- Wijk, D. Gerth van, 1893. *Spraakleer der Maleische Taal*. 2^{de} druk. Batavia: G. Kolff & Co.
- Winstedt, R.O. 1913. *Malay Grammar*. Oxford: the Clarendon Press.
-

